

19/03/2003

`Pak Lah miliki kekuatan tersendiri'

KUALA LUMPUR: Pentadbiran Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sebagai Perdana Menteri dijangka bersifat perundingan dan mudah didampingi, tetapi tegas di segi moral dan keberanian politik.

Ketua Pengarang Kumpulan New Straits Times Press (NSTP), Tan Sri Abdullah Ahmad, berkata Pemangku Perdana Menteri itu juga akan menerajui negara dengan menggunakan gaya sendiri.

"Beliau mempunyai lebih gaya perundingan, kerelaan dan sesetengahnya menyatakan terlalu pemurah dan sabar mendengar pandangan orang lain," katanya ketika berucap di Kolej Staf Angkatan Tentera Malaysia (ATM) mengenai Isu Semasa Dalam Politik Malaysia, di sini semalam.

Ceramah itu dihadiri peserta dari 10 negara, termasuk Malaysia, Amerika Syarikat, New Zealand, Indonesia, Bangladesh, India, Pakistan, Australia dan Singapura serta beberapa negara Arab dan anggota Asean.

Bagaimanapun, katanya, adalah kesilapan besar untuk memandang rendah keupayaan Abdullah untuk berkata `tidak' kepada mereka yang tidak disetujuinya.

"Ada yang sudah mengetahuinya. Tidak seperti sesetengah pemimpin lain yang kini menonjol atas pentas politik, kekuatannya ialah beliau tidak dirosakkan oleh sinisme dan perpecahan politik berasaskan personaliti.

"Lebih penting, beliau mempunyai komitmen yang idealistik untuk mencipta matlamat dan kepentingan nasional yang baru," katanya.

Beliau berkata, Abdullah juga mempunyai keberanian politik serta seorang pemimpin yang sudah diuji beberapa kali, termasuk menjadi orang yang pernah `tersisih' pada satu masa dulu.

"Beliau juga tidak pernah hilang karektor kesederhanaan dan kesempurnaan. Beliau adalah seorang yang warak," katanya.

Abdullah juga berkata, Pemangku Perdana Menteri itu mampu menangani empat cabaran utama yang bakal ditinggalkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, iaitu:

- \* kajian semula sistem pendidikan kebangsaan untuk meningkatkan tahap penguasaan bahasa Inggeris tanpa mengorbankan bahasa kebangsaan dan memperbaiki sistem pendidikan agama, selaras keperluan memulihkan sekolah agama rakyat (SAR),

- \* kembali kepada meritokrasi, iaitu menghapuskan dasar keutamaan secara beransur-ansur,

- \* integrasi nasional, dan

- \* mengekang ekstremis agama, fanatik dan chauvinis kaum dan fasisme bahasa.

"Sudah tentu akan ada gaya dan nada kepimpinan politik yang baru. Abdullah bukan Dr Mahathir. Tidak akan ada seorang lagi Dr Mahathir. Pada masa sama, membandingkan Abdullah dengan Dr Mahathir adalah tidak adil kepada kedua-dua mereka.

"Malah, selepas 23 tahun pemerintahan Dr Mahathir, ia memberi kebaikan kepada negara untuk mengalami perubahan rentak pada peringkat atasan," katanya.

Beliau juga berkata, adalah salah jika ada yang menyangka Abdullah mempunyai kelemahan atau kekurangan sebagai Perdana Menteri dan Presiden Umno.

"Mereka dinasihatkan lebih baik jangan cuba mengujinya atau mereka sendiri akan kecewa," katanya.

Abdullah juga berkata perubahan besar akan berlaku di semua peringkat

dalam sektor awam dan korporat negara.

"Kita akan menyaksikan pengurus baru yang lebih muda, terdidik serta terlatih muncul menerajui Persyarikatan Malaysia. Kita juga akan melihat kemunculan muka baru dalam politik. Dalam Umno, Pemuda dan Puteri sedang dilatih untuk berperanan sebagai kepimpinan baru. Rakan Umno dalam Barisan Nasional (BN) juga sedang mengenal pasti bakat baru untuk meneruskan perjuangan nasional.

"Umno akan terus menangani peralihan dan perubahan untuk kesinambungan perkara yang penting kepada kita, iaitu keamanan, kemakmuran, keharmonian, kestabilan dan keselamatan," katanya.

Mengenai timbalan Abdullah, beliau berkata: "Saya akan sangat terkejut jika ia bukan Datuk Seri Najib, iaitu menteri anda (Menteri Pertahanan)," disambut dengan tepukan oleh hadirin.

Beliau juga meramalkan BN akan memenangi bilangan kerusi yang selesa pada pilihan raya akan datang, jauh lebih baik daripada pencapaian pada 1999 walaupun sesetengah pengkritik berkata ia akan menghadapi 680,000 pengundi baru yang didakwa tidak berpihak kepada BN.

"Saya berpendapat lapan hingga 10 peratus pengundi ini tidak akan memberi cabaran kepada BN.

"Malah di Terengganu, peluang Umno lebih cerah. Semua ini bergantung kepada apa yang Umno lakukan sekarang sehingga ke hari pengundian," katanya.